

Maklumat Komoditi : Ciku

Kesesuaian Tanaman

Pokok Pokok bersaiz sederhana besar, berbentuk piramid semasa kecil, rendang serta membulat apabila matang. Ketinggian boleh mencapai sehingga lebih 10 meter. Kada pembesaran pokok agak perlahan tetapi boleh hidup lama dengan pengeluaran hasil yang memuaskan. Mempunyai akar tunjang jika bahan tanaman ditanam daripada biji benih. Anak pokok yang ditanam melalui pembiakan tut tidak mempunyai akar tunjang.

1. Buah Berbentuk bulat atau bujur bergantung pada jenis klon. **Saiz buah matang** adalah antara 5-6 cm panjang dan lebar 4-6 cm. Purata berat sebiji di antara 80 gm - 120 gm. Kulit buah nipis, berkeadaan kesat, bersisik dan berwarna perang. *Buah yang belum masak* berkeadaan keras, bergetah dan rasanya kelat disebabkan oleh kandungan tannin. Buah yang matang dipetik dan perlu diperam selama 3-5 hari supaya masak.

Buah yang baru dipetik akan mengeluarkan getah berwarna putih. Buah yang cukup masak berkulit perang kemerahan, berbau harum dan rasanya manis.